



ASRI

Pelajar UMS kini dilengkapi dengan Sijil Profesional Huawei

UB 11.4.2019 A1

Oleh **YAP SIONG HAN**

KOTA KINABALU: Pelajar Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini telah dilengkapi dengan program Persijilan Profesional Huawei Certified ICT Associate (HCIA) daripada syarikat teknologi komunikasi terkemuka dunia itu sebagai nilai tambah kepada mereka.

Dekan FKI Prof Madya Dr Ag Asri Ag Ibrahim berkata, ia adalah antara inisiatif UMS meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui jalinan kerjasama pihak industri di dalam kampus.

“Bagi menjayakan program persijilan ini, FKI dan Huawei telah menubuhkan Huawei ICT Academy yang mana semua kursus dan latihan dijalankan dalam ruang akademi yang terletak di tingkat 5, bangunan FKI.

“Pelajar UMS sangat beruntung kerana program HCIA yang bernilai belasan ribu ini, memberikan latihan, kemahiran dan pengetahuan berasaskan produk sebenar Huawei,” katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Beliau berkata, program persijilan profesional itu terbuka kepada semua pelajar yang berminat khususnya pelajar program Ijazah Sains Komputer (Kejuruteraan Rangkaian).

Katanya, program itu bukan mudah dan memerlukan peserta sekurang-kurangnya mempunyai pengetahuan dalam sistem rangkaian komputer.

“Hanya mereka yang lulus dalam peperiksaan yang dilaksanakan oleh pihak Huawei sendiri sahaja akan menerima sijil profesional yang akan menjadi satu kelebihan apabila bergelar graduan kelak.

“Seperti yang kita sedia maklum, para majikan masa kini amat menitikberatkan pengalaman atau nilai tambah dalam mencari pekerja di organisasi masing-masing,” katanya.